



Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (902884V)

Tingkat 5, Menara I & P 1,
No. 46, Jalan Dungun, Bukit Damansara,
50490 Kuala Lumpur, Malaysia.

Tel: +60 3 2095 3030
Fax: +60 3 2095 2121

NEWSPAPER CLIPPING

Media Organisation :	Berita Harian
Date :	22 / 2 / 2016

SBK penanda aras MRT Corp

» Syarikat
jadikan
pengalaman
projek jayakan
kejayaan
Laluan Dua SSP

Oleh Shahrizan Salian
shahrizan_salian@bh.com.my

Pelaksanaan projek MRT Laluan Pertama Sungai Buloh-Kajang (SBK) akan dijadikan penanda aras kepada Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp) untuk memastikan kejayaan pembinaan Laluan Dua Sungai Buloh-Serdang-Putrajaya (SSP).

Pemaju dan pemilik aset projek MRT itu juga akan serta mempertingkatkan ciri keselamatan pekerja dan orang ramai, di samping memastikan projek dapat disiapkan mengikut jadual kos yang ditetapkan.

Laluan SSP sepanjang 52.2 kilometer dengan 37 stesen dan laluan bawah tanah sepanjang 13.5 kilometer, menjadikannya lebih jauh berbanding Laluan SBK sepanjang 51 kilometer dengan 31 stesen dan laluan bawah tanah sepanjang 9.5 kilometer.

Ketua Pegawai Eksekutif MRT Corp, Datuk Seri Shahril Mokhtar, berkata antara perkara yang dipelajari melalui pengalaman membangunkan Laluan SBK adalah dari segi pengurusan pihak berkepentingan, keselamatan, pengurusan trafik dan pembahagian pakej kerja.

Katanya, pengalaman berkenaan membolehkan kerja bagi Laluan SSP dapat dimulakan lebih awal serta terancang, yang

penghujung Disember depan. "Kami banyak belajar daripada Laluan SBK, apabila diperkatakan mengenai aspek keselamatan kerja pembinaannya. Sejak setahun lalu, kadar insiden dan kemalangan berjaya dikurangkan," katanya dalam temu bual bersama wartawan kumpulan The New Straits Times Press (M) Bhd (NSTP) di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Tender bagi beberapa pakej kerja Laluan SSP kini sedang dibuka bagi membolehkan kerja pembinaannya bermula pertengahan tahun ini.

Fasa pertama Laluan SSP dijangka beroperasi pada suku kedua 2021, manakala laluan sepenuhnya akan beroperasi pada suku kedua 2022.

Laluan SSP mempunyai 66 pakej kerja, berbanding 84 pakej kerja yang ditawarkan bagi Laluan SBK. Kontrak pertama dijangka ditawarkan bulan depan.

Penempatan semula

Mengulas lanjut mengenai Laluan SSP, Shahril berkata kerja asas bagi laluan berkenaan seperti penempatan semula bangunan, setingan dan sebagainya sudah pun dimulakan.

Katanya, MRT Corp juga sudah menjalankan proses prakelayakan bagi pakej utama laluan berkenaan sejak tahun lalu lagi.

"Bagi kontraktor pakej kerja (WPC), ada 10 pakej keseluruhannya, yang mana tiga pakej pertama di bahagian utara laluan SSP sudah dimulakan.













"Bahagian ini adalah seksyen paling sukar, yang mana tiga pakej pertama ini hanya dibuka kepada kontraktor sedia ada yang terbabit dalam Laluan SBK kerana mereka mempunyai pengalaman bekerja dengan Projek MRT

"Justeru, tiga daripada 10 pakej WPC Laluan SSP adalah

INFO

Fakta dan angka laluan 2 MRT



 Panjang keseluruhan 52.2KM	 Laluan bertingkat 38.7KM	 Bawah tanah 13.5KM
 Jumlah stesen 36	 Stesen bertingkat 25	 Stesen bawah tanah 11
 Masa antara tren 3.5 MINIT	 Anggaran penumpang harian 529,000	 Kapasiti tren 1,200 penumpang/tren
 Menyediakan perkhidmatan kepada 2 JUTA PENDUDUK	 Stesen dengan kemudahan letak kereta 15	 Anggaran perjalanan keseluruhan 84 MINIT

kepada semua termasuk bagi kategori Bumiputera," katanya.

Shahril berkata, kontrak pakej sistem seperti 'signalling'

syarikat dan akan memanggil semula syarikat terbabit dalam pusingan seterusnya.

"Langkah ini disebabkan